



## UPM Menang Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2012



**KUALA LUMPUR, 7 Mei** – Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Anugerah Perpustakaan Cemerlang bagi kategori perpustakaan besar dengan meraih hadiah wang tunai RM7,000 dan piala yang disampaikan oleh Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA), Datuk Yong Soon Heong.

Mengulas kejayaan itu, Ketua Pustakawan PSAS, Amir Hussain Md Ishak berkata PSAS memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) antaranya memiliki sistem perpustakaan berkomputer serta program pengumpulan koleksi semasa yang baik.

“Selain itu, PSAS telah menjalankan pelbagai aktiviti, koleksi, perkhidmatan serta sumber sejajar dengan keperluan masa kini.



“Penerimaan penganugerahan ini adalah ganjaran kepada staf PSAS untuk meneruskan usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan di PSAS,” katanya pada majlis perasmian

mesyuarat agung tahunan PPM di Auditorium Perpustakaan Kuala Lumpur.

Katanya, pada masa kini PSAS sedang merancang untuk menukar persekitarannya kepada suasana lebih ceria bagi mengalakkan masyarakat terutamanya warga UPM untuk ke perpustakaan.

“Perancangan dalam tempoh tiga bulan ini, PSAS akan membuka ruangan koleksi bacaan ringan bagi mengalakkan pelajar dan staf untuk menjadikan PSAS sebagai tempat untuk bersantai sambil memperkukuhkan ilmu dengan bahan bacaan,” katanya.

Amir turut merakamkan penghargaan kepada usaha warga Perpustakaan yang komited dan sentiasa menerap nilai budaya kerja berkualiti dan sentiasa memberi prioriti untuk memenuhi keperluan pelanggan.



PSAS merupakan gabungan Perpustakaan Utama dan tiga cawangannya di kampus Serdang iaitu Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina serta cawangannya di Kampus UPM, Bintulu, Sarawak.

Sementara itu, Ketua Pengarah BERNAMA, Datuk Yong Soon Heong berkata perpustakaan masa kini perlu mengikuti peredaran keperluan pelanggan dalam penggunaan teknologi baharu bagi memenuhi kehendak dan cita rasa pengguna dan pelanggan.

“Semua perpustakaan di negara ini perlu bekerjasama dan berkolaborasi dalam menyediakan sumber serta kepakaran untuk beroperasi dengan lebih berkesan serta terus menjadi relevan,” katanya.

Anugerah Perpustakaan Cemerlang merupakan pertandingan di peringkat kebangsaan yang diadakan setiap dua tahun bermula 2005, terbahagi kepada tiga kategori iaitu perpustakaan besar, sederhana dan kecil.

Anugerah itu mengiktiraf perpustakaan yang berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu dan progresif selain meningkatkan imej perpustakaan dan profesion kepustakawanan serta menilai perkembangan dan pencapaian pelbagai perpustakaan di Malaysia.

Kriteria yang dinilai bagi penganugerahan perpustakaan cemerlang merujuk kepada dokumentasi bertulis di samping pemerhatian semasa lawatan. Aspek utama yang diberi tumpuan, ialah kepelbagaian aktiviti dan promosi sedia ada; kreativiti dan inovasi dalam menarik perhatian pengguna kepada perkhidmatan dan sumber perpustakaan yang pelbagai; program pengumpulan koleksi yang baik dan polisi pembangunan koleksi semasa; kemudahan

infrastruktur yang mencukupi; memiliki sistem perpustakaan berkomputer yang baik untuk pengurusan perpustakaan dan pusat sumber serta penilaian keseluruhannya.

**Berita ini disediakan oleh Noor Eszereen Juferi 03-89468985 dan foto oleh Marina Ismail 03-89466199**